



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA

PENAMBAHBAIKAN TATACARA PERTUKARAN LESEN MEMANDU NEGARA ASING KEPADA LESEN MEMANDU MALAYSIA (LMM) BAGI WARGANEGARA MALAYSIA

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) ingin memaklumkan mengenai penambahbaikan tatacara permohonan pertukaran lesen memandu negara asing kepada Lesen Memandu Malaysia (LMM) melibatkan warganegara Malaysia tertakluk kepada mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ).

Penambahbaikan ini bertujuan memastikan urusan pelesenan pemandu di negara ini mematuhi peraturan yang berkuatkuasa serta memastikan tahap kompetensi pemanduan pemohon. Ia juga bertujuan memudahcara permohonan pertukaran lesen memandu negara asing kepada LMM dengan mengambil kira keperluan semasa serta mobiliti rakyat Malaysia terutamanya dalam suasana ekonomi global dan domestik yang mencabar pada masa ini.

LATAR BELAKANG

Dasar semasa menetapkan bahawa pertukaran lesen memandu negara asing kepada LMM hanya dibenarkan kepada tiga (3) kategori sahaja iaitu (i) warganegara Malaysia yang mempunyai lesen





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

memandu negara asing sebelum memegang suatu LMM; (ii) peserta program *Malaysia My Second Home* (MM2H); dan (iii) pemohon di bawah kategori kor diplomatik.

Seiring dengan perkembangan semasa serta bagi memastikan mobiliti rakyat Malaysia yang bekerja, menetap atau mempunyai urusan di luar negara tidak terganggu, warganegara Malaysia yang memiliki lesen memandu negara asing yang sah, masih berkuat kuasa dan tanpa sebarang sekatan, boleh dipertimbangkan untuk membuat pertukaran kepada LMM tertakluk kepada mematuhi semakan rekod serta SOP yang ditetapkan oleh JPJ.

PELAKSANAAN

Permohonan pertukaran lesen memandu negara asing kepada LMM bagi kategori warganegara Malaysia melibatkan tatacara yang telah ditambahbaik di atas boleh dilaksanakan di semua pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri mulai **1 Jun 2026**. Syarat-syarat dan tatacara permohonan boleh dirujuk melalui laman web rasmi JPJ iaitu <https://www.jpj.gov.my/> mulai daripada tarikh berkenaan termasuk kadar fi yang dikenakan bagi proses terlibat.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

7 MEI 2026

-TAMAT-





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

E-mel : sua@mot.gov.my / unitkomunikasikorporat@mot.gov.my



www.mot.gov.my



motmalaysia



ministryoftransportmy